



ETNIK LUNDAYEH

PANTANG LARANG DAN ADAT ISTIADAT



Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah

Sinopsis

Etnik Lundayeh merupakan salah satu etnik yang menetap dan membuat penempatan di daerah Sipitang, daerah Tenom, daerah Keningau, daerah Beaufort, daerah Kota Kinabalu, daerah Sandakan, dan Daerah Tawau. Etnik Lundayeh bukan sahaja terdapat di Sabah, tetapi juga terdapat di tiga wilayah iaitu di negeri Sarawak, negara Brunei Darussalam dan wilayah Kalimantan Timur Indonesia dikenali sebagai Dayak Lundayeh manakala di Sarawak pula mereka dikenali sebagai Lun Bawang. Di negara Brunei pula, mereka masih dikenali sebagai Murut Lunbawang. Maklumat dapatan inventori etnik ini boleh menjadi sumber rujukan bukan sahaja kepada pengkaji budaya, tetapi juga kepada pengusaha industri pelancongan Negeri Sabah agar dapat menceritakan keunikan pelbagai budaya etnik di Sabah.

Pengenalan

Seperti juga etnik-etnik lain yang terdapat di Sabah, etnik Lundayeh juga mempunyai pantang larang dan adat istiadat yang diamalkan sebelum pengaruh agama Kristian mengubah cara hidup mereka. Kebanyakkann pantang larang tersebut tidak lagi diamalkan. Walau bagaimanapun, sistem adat istiadat masih lagi diamalkan sebagai salah satu cara untuk menjaga keharmonian masyarakat. Bab ini akan membincangkan mengenai pantang larang masyarakat Lundayeh pada zaman dahulu iaitu pantang larang wanita hamil, pantang larang dalam kehidupan sehari-hari mereka dan juga adat kematian serta sistem adat yang masih digunakan di Mahkamah Anak Negeri pada hari ini. Sistem adat yang digunakan meliputi 41 Fasal iaitu Adat Perempuan Hamil, Adat Perzinaan, Adat Melarikan atau Merampas Isteri Orang Lain, Adat Memfitnah, Adat Terkena Benda Yang Tajam, Adat Pergaduhan atau Perkelahian, Adat Percurian atau Mencuri, Adat Binatang Ternakan, Adat Air Sungai dan Luagan (Takung), Adat Kebakaran, Perbelanjaan Semasa Meminang, Adat Surat Menyurat, Adat Memungkiri Janji, Adat Tued, Adat Mengintai Wanita Mandi, Adat Menyentuh Buah Dada Wanita, Adat Perceraian, Adat Waris, Adat Keracunan Makanan, Adat Tanah Perkuburan, Adat Semasa Kedukaan (Kereb Necung), Adat Berpindah atau Berhijrah (Mefura'), Adat Merosakkan Tanaman, Adat Tanah Perkuburan, Adat Pengebumian Mayat Orang Mati, Adat Tanah, Adat Memelihara Anak, Adat Bahayanya Senjata Api, Adat Bersabahat, Adat Tempoh Membayar Denda, Adat Perhimpunan Haram, Adat Enggan Berkerjasama Dalam Kampung, Adat Pergaduhan Antara Penduduk Kampung, Adat Pergaduhan Antara Penduduk Kampung Dengan Pendatang, Adat Pergaduhan Semasa Pesta Adat Menyebar Berita Yang Tidak Benar, Adat Mengubah Tanda Binatang Ternakan Orang Lain, Adat Ngetuu (mengambil) Binatang Ternakan Orang Lain, Adat Ladang atau Kebun, Adat Membina Jalan Melalui Tanah Orang Lain dan Adat Perceraian.

Pantang Larang dan Adat Resam Masyarakat Lundayeh Pada Zaman Dahulu

Sebelum pengaruh agama Kristian masuk ke dalam kehidupan masyarakat Lundayeh, mereka berpegang kuat kepada pantang larang dan adat resam yang telah ditetapkan dalam masyarakat. Pantang larang dan adat resam ini biasanya berkaitan dengan kehamilan, kematian dan beberapa aspek lain.

Pantang larang ibu mengandung.

Wanita yang baru berkahwin dan mengandung anak pertama harus mengikuti pantang larang yang telah ditetapkan oleh masyarakat Lundayeh. Jika pantang larang tersebut tidak diikuti, dipercayai bahawa wanita tersebut akan mati ketika melahirkan anak sulungnya.

Pantang-larang tersebut ialah:

- 1.Jika seorang wanita itu mula hamil, dia ditegah daripada memakan tali perut binatang yang mati akibat djerat dan diperangkap. Selain daripada itu kedua-dua suami isteri tersebut juga ditegah daripada mengikat apa-apa jenis simpulan dengan menggunakan rotan, tali, benang, tali bakul atau benda-benda yang boleh digunakan untuk mengikat.
- 2.Jika suami isteri tersebut keluar dari bilik tidur mereka menuju ke ruang tamu atau ke dapur, mereka dikehendaki masuk melalui pintu yang sama. Mereka tidak dibenarkan masuk melalui pintu lain.
- 3.Sebaik sahaja mereka selesai makan, sisa makanan yang jatuh di atas teing atau tikar khas yang digunakan untuk menghidang makanan harus dibuang melalui salah satu daripada jendela yang ada di dapur dapur. Sisa makanan itu tidak boleh dibuang melalui pintu.
- 4.Selepas makan, wanita hamil diwajibkan untuk melonggarkan ikatan sarungnya di ruang tamu rumah kerana ikatan sarungnya akan menjadi sempit. Suaminya juga harus melonggarkan ikatan cawat atau seluarnya di ruang tamu selepas makan.
- 5.Apabila hujan turun pada waktu malam, si suami dan isterinya yang hamil haruslah bangun daripada tidur dan hanya tidur semula apabila hujan berhenti. Menurut kepercayaan masyarakat Lundayeh, hal ini bertujuan untuk menjauhkan si isteri yang sedang hamil daripada diganggu oleh roh-roh jahat.
- 6.Seorang wanita yang mula hamil juga ditegah daripada memakan jantung binatang dan kulat buda' atau sejenis cendawan berwarna putih.
- 7.Sebelum masuk tidur, si suami dan isterinya haruslah menggantungkan satu kayu pada tali yang telah diikat pada para kayu api, di atas api yang sedang menyala dan mereka akan menunggu sehingga tali yang mengikat kayu tersebut putus. Tujuan perkara tersebut dilakukan ialah untuk menjauhkan rumah mereka daripada di panah petir ketika sedang tidur.
- 8.Apabila si suami keluar dari rumah dan terdapat pohon kayu tumbang atau jatuh di depannya, si suami akan melangkah kayu tersebut dan mengambil sedikit kulit kayu tersebut untuk disimpan dan hal ini akan dilakukan setiap kali dia keluar rumah. Hal ini demikian kerana, jika isterinya sukar untuk bersalin, kulit kayu tersebut akan dibasahkan dan diletakkan di atas perut isterinya untuk memudahkan dia bersalin. Hal ini juga dipercayai dapat memberikan kekuatan kepada si isteri untuk melahirkan anak.
- 9.Selepas melahirkan anak, si ibu tidak dibenarkan untuk memakan daging segar, dipercayai bahawa hal ini boleh menyebabkan si ibu sakit perut. Dia hanya dibenarkan untuk memakan daging yang diasapkan atau yang sudah kering.

Jika si ibu yang sedang hamil melanggar pantang larang tersebut, dikatakan bahawa anaknya akan ngacaa singudung (jatuh sakit) apabila dilahirkan. Orang yang terlibat dengan pantang larang mengenai wanita hamil ialah suami dan ibubapa kepada wanita tersebut.

Pantang Larang Berkaitan dengan Kehidupan Seharian Masyarakat Lundayeh

Selain itu terdapat juga pantang larang yang diamalkan oleh etnik Lundayeh dalam kehidupan sehari-hari mereka seperti:

- Jika seseorang itu pergi ke sungai sama ada untuk mandi atau membuat kerja, dia ditegah sama sekali untuk menyebut perkara yang berkaitan dengan makanan. Contohnya ialah dengan mengatakan bahawa dia akan makan selepas mandi di sungai. Dikatakan bahawa makhluk halus yang berada di tempat tersebut akan berubah menjadi makhluk jahat yang dikenali sebagai luk mo' yang akan mendatangkan malapetaka seperti lemas ketika dia berada di sungai (jika sungai tersebut besar) atau dipatuk ular semasa dalam perjalanan dan sebagainya.
- Semasa makan semua ahli keluarga tidak dibenarkan membuang sisa makanan terutamanya sisa nasi kerana dipercayai bahawa semangat padi akan marah. Membuang sisa nasi dianggap membazir dan perbuatan tersebut akan mengakibatkan hasil tuaian merosot atau berkurangan pada tahun berikutnya.
- Apabila pelangi muncul selepas hujan, etnik Lundayeh percaya bahawa jika seseorang menunjuk pelangi tersebut, jarinya akan menjadi kudung. Oleh itu, ibubapa akan menasihati anak mereka agar tidak menunjuk pelangi dengan menggunakan jari.
- Bersiul adalah dilarang sama sekali pada waktu malam. Etnik Lundayeh percaya bahawa, jika seseorang itu bersiul pada waktu malam, lidahnya akan dipotong oleh hantu.
- Ibu ataupun anak perempuan yang sedang memasak di dapur juga dilarang menyanyi kerana ianya dianggap sebagai kurang sopan dan melanggar pantang-larang yang telah ditentukan.

- Melintas di hadapan orang besar, masyur ataupun hartawan yang mempunyai semangat kuat boleh mengakibatkan seseorang itu jatuh tersungkur. Hal ini dipanggil mesangod. Pada zaman dahulu, sesiapa yang mempunyai anak kecil dilarang membawa anak mereka jika ingin berurus dengan golongan tersebut kerana dikatakan bahawa kanak-kanak tersebut akan jatuh sakit kerana mesangod.
- Sewaktu memburu di hutan yang terletak jauh dari kampung, semua ahli kumpulan ditegah sama sekali untuk mengeringkan pakaian di atas api kerana bau asap yang melekat pada pakaian tersebut boleh menyebabkan penjaga hutan iaitu ada' rayeh atau fang tumid yang merupakan hantu besar marah.
- Mentertawakan makhluk ciptaan Tuhan juga oleh menyebabkan malapetaka kepada mereka yang terlibat. Masab merupakan istilah bagi malapetaka yang berlaku disebabkan perbuatan mentertawakan binatang ciptaan Tuhan seperti katak, monyet, anjing, beruang, kucing, ayam dan sebagainya. Masab boleh mengakibatkan cuaca berubah dan menyebabkan hujan lebat, taufan dan hujan batu turun tanpa amaran. Orang yang mentertawakan makhluk ciptaan Tuhan akan mengalami perubahan pada bentuk fizikal badannya. Leher orang tersebut terpusing ke belakang, kaki atau tangannya menjadi bengkok, keadaan mulut atau matanya juga turut berubah. Bangunan tempat tinggal mereka juga akan bertukar menjadi batu jika mereka yang terlibat dalam masab berasal daripada rumah panjang yang sama. Terdapat beberapa orang penduduk kampung di kawasan perkampungan Lundayeh di Sarawak dan Kalimantan Timur telah mentertawakan binatang dan menyebabkan rumah yang mereka tinggal menjadi batu. Semua penghuni rumah tersebut juga telah berubah menjadi batu.
- Masyarakat Lundayeh juga takut dengan binatang seperti semelig (rusa putih), galau (ular besar), sigaring (sejenis binatang yang tinggal di dalam bumi) dan juga darung (ular jadian). Terdapat juga binatang yang digunakan sebagai tempat meminta petunjuk iaitu burung mengei', belinii dan helang dan juga binatang yang dipercayai boleh merosakkan nasib yang ditentukan oleh binatang yang memberi petunjuk iaitu ribuan (sejenis tikus hutan bersaiz besar), bungaley (kucing liar yang menjadikan ayam sebagai mangsanya), ular dan juga tubing (kucing liar)

Adat Kematian Masyarakat Lundayeh Pada Zaman Dahulu

Apabila berlakunya kematian, keluarga si mati akan neteg tawak (membunyikan gong) untuk memberitahu orang lain tentang kematian tersebut. Bunyi atau rentak paluan tawak (gong) adalah lebih cepat daripada biasa, rentak cepat dipalu sebanyak tiga kali. Dalam Bahasa Lundayeh, memanggil atau membunyikan tawak ini dipanggil ngukor. Apabila orang ramai mendengar bunyi kukor (gong), mereka akan datang ke tempat tersebut. Biasanya, bunyi kukor boleh didengari penduduk-penduduk kampung yang tinggal berjiran dan mereka akan datang ke rumah si mati.

Kadang-kala ada ahli keluarga terdekat si mati, walaupun tinggal berhampiran, mereka tidak mendengar bunyi kukor tersebut. Masyarakat Lundayeh percaya bahawa si mati telah menghalang bunyi tersebut daripada didengari oleh saudara maranya kerana tidak mahu mereka bersedih. Orang ramai yang datang menziarahi keluarga si mati akan membawa barang-barang dapur seperti beras, gula, roti dan lain-lain bagi membantu keluarga si mati.

Jenazah si mati akan ditangisi sama ada oleh ahli keluarga terdekat atau sahabat handai yang datang menziarah dan hal ini dipanggil temido atau tido dalam Bahasa Lundayeh. Temido dilakukan sebagai penghormatan terakhir kepada si mati dan menunjukkan bahawa mereka turut bersedih dan berasa kehilangan atas pemergian si mati buat selama-lamanya.

Pada masa dahulu, sebelum masyarakat Lundayeh menganut agama Kristian, jika seseorang itu kematian suami atau isteri, orang tersebut akan berpantang selama tujuh hari dan tidak dibenarkan keluar dari rumah dan hanya dibenarkan duduk di bawah bebiran. Dia juga tidak boleh meninggalkan bebiran dan terpaksa makan dan tidur di tempat tersebut. Sepanjang tujuh hari berpantang, orang tersebut tidak boleh melakukan sebarang kerja dan tidak dibenarkan mandi. Selain itu, dia juga ditegah daripada ketawa dan bercakap atau bercerita dengan orang lain. Hal ini bertujuan untuk menghormati si mati agar roh si mati tenang. Jika suami atau isteri kepada si mati tidak berpantang, kemungkinan roh si mati akan mengganggu atau menimbulkan bencana kepada diri atau seluruh kampung tersebut. Semasa pantang tersebut berlangsung, keluarga si mati atau saudara-maranya akan menjemur padi dan menumbuk padi tersebut untuk dijadikan burak atau tapai.

Pada hari keenam selepas kematian, apabila burak yang dibuat sudah boleh diminum, orang ramai akan datang sekali lagi. Mereka akan dijamu dengan minuman burak dan keluarga si mati juga akan memberi ebpul (daging babi) kepada setiap orang yang datang. Pada keesokan harinya, orang yang berpantang itu akan ngikii ebpuk (membotakkan kepalanya) dan seterusnya dia akan dimandikan. Hal ini menandakan bahawa hari berpantang telah habis dan dia boleh minum bersama-sama orang lain.

Hari ketujuh berpantang dikenali sebagai eco ngeremet. Pada hari tersebut, bebiran bersama pinggan dan makanan akan dibawa ke kubur si mati. Barang-barang tersebut akan diletakkan dan ditinggalkan di atas kubur si mati. Dipercayai bahawa roh si mati akan makan makanan tersebut dan memakai barang-barang yang ditinggalkan. Selain itu, keluarga si mati juga dikehendaki membayar denda yang dikenali sebagai pulid tecung, iaitu sebiji tawak atau tabu' atau wang yang bernilai RM25. Bayaran denda ini akan ditukarkan dengan burak dan semua penghuni rumah panjang kampung tersebut akan dijamu dengan burak. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan bencana daripada menimpa kampung mereka akibat kemarahan roh si mati. Walau bagaimanapun, upacara tradisi ini tidak lagi diamalkan oleh etnik Lundayeh kerana bertentangan dengan ajaran agama Kristian. Kini, upacara pengebumian etnik Lundayeh dipenuhi dengan bacaan doa mengikut ajaran agama Kristian.



Adat Istiadat yang digunakan di Mahkamah Anak Negeri

Apabila berlakunya kematian, keluarga si mati akan neteg tawak (membunyikan gong) untuk memberitahu orang lain tentang kematian tersebut. Bunyi atau rentak paluan tawak (gong) adalah lebih cepat daripada biasa, rentak cepat dipalu sebanyak tiga kali. Dalam Bahasa Lundayeh, memanggil atau membunyikan tawak ini dipanggil ngukor. Apabila orang ramai mendengar bunyi kukor (gong), mereka akan datang ke tempat tersebut. Biasanya, bunyi kukor boleh didengari penduduk-penduduk kampung yang tinggal berjiran dan mereka akan datang ke rumah si mati.

Kadang-kala ada ahli keluarga terdekat si mati, walaupun tinggal berhampiran, mereka tidak mendengar bunyi kukor tersebut. Masyarakat Lundayeh percaya bahawa si mati telah menghalang bunyi tersebut daripada didengari oleh saudara maranya kerana tidak mahu mereka bersedih. Orang ramai yang datang menziarahi keluarga si mati akan membawa barang-barang dapur seperti beras, gula, roti dan lain-lain bagi membantu keluarga si mati.

Jenazah si mati akan ditangisi sama ada oleh ahli keluarga terdekat atau sahabat handai yang datang menziarah dan hal ini dipanggil temido atau tido dalam Bahasa Lundayeh. Temido dilakukan sebagai penghormatan terakhir kepada si mati dan menunjukkan bahawa mereka turut bersedih dan berasa kehilangan atas pemergian si mati buat selama-lamanya.

Pada masa dahulu, sebelum masyarakat Lundayeh menganut agama Kristian, jika seseorang itu kematian suami atau isteri, orang tersebut akan berpantang selama tujuh hari dan tidak dibenarkan keluar dari rumah dan hanya dibenarkan duduk di bawah bebiran. Dia juga tidak boleh meninggalkan bebiran dan terpaksa makan dan tidur di tempat tersebut. Sepanjang tujuh hari berpantang, orang tersebut tidak boleh melakukan sebarang kerja dan tidak dibenarkan mandi. Selain itu, dia juga ditegah daripada ketawa dan bercakap atau bercerita dengan orang lain. Hal ini bertujuan untuk menghormati si mati agar roh si mati tenang. Jika suami atau isteri kepada si mati tidak berpantang, kemungkinan roh si mati akan mengganggu atau menimbulkan bencana kepada diri atau seluruh kampung tersebut. Semasa pantang tersebut berlangsung, keluarga si mati atau saudara-maranya akan menjemur padi dan menumbuk padi tersebut untuk dijadikan burak atau tapai.

Adat Istiadat yang digunakan di Mahkamah Anak Negeri

Adat merupakan peraturan, kebiasaan, resam dan norma yang dijunjung dan diamalkan oleh sesebuah masyarakat secara turun-temurun sehingga menjadi sebatи dan dianggap sebagai hukum atau undang-undang yang harus dipatuhi. Adat ini hendaklah difahami dan dihafal oleh Lun Ngimet Adat (orang yang mempunyai pengetahuan luas tentang adat) seperti Penghulu. Seseorang yang bakal dilantik untuk memegang jawatan ini seharusnya fasih bercakap dan mempunyai pengetahuan adat yang meluas. Istilah etnik Lundayeh bagi hukum seperti ini ialah Ukum Adat iaitu peraturan yang dijadikan undang-undang berdasarkan amalan adat resam atau kebiasaan turun temurun masyarakat. Ukum Adat mesti dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat. Ukum Adat tidak bertulis dan ianya sentiasa berkembang seiring dengan perubahan dalam masyarakat yang berlaku dari semasa ke semasa. Ukum Adat dalam masyarakat Lundayeh memainkan peranan penting untuk mengawal perlakuan, memelihara keamanan, kesejahterahan dan membentuk peraturan bermasyarakat.

Peraturan-peraturan yang terkandung dalam adat menjadi panduan tentang perkara-perkara yang dilarang dan dibenarkan serta hukuman setimpal dengan sesuatu perlanggaran adat. Adat juga bertujuan untuk mengekalkan amalan tradisi dan mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini. Adat dan Ukum Adat Lundayeh dibentuk berdasarkan kekeluargaan seperti perkahwinan dan perceraian dan pewarisan harta, kemasyarakatan dan sebagainya.

Sebelum Negara Malaysia dibentuk pada 16hb September 1963, golongan yang menjalankan Ukum Adat dalam kalangan etnik Lundayeh ialah Orang Tua Kampung yang sebelumnya digelar Penghulu. Keputusan atau penghakiman dan hukuman yang bakal dijatuhkan ke atas seorang yang melanggar adat ditentukan oleh Penghulu. Semenjak tahun 1970an adat dan hukuman bagi mereka yang melanggar Adat dikendalikan oleh Mahkamah Anak Negeri. Mereka yang dilantik untuk mengendalikan dan menjalankan Ukum Adat dalam kalangan etnik Lundayeh ialah Ketua Kampung, Ketua Anak Negeri atau Ketua Daerah. Denda atau sagit bagi mereka yang melanggar Ukum Adat biasanya dalam bentuk wang, binatang ternakan ataupun harta karun yang masih terdapat dalam kalangan masyarakat Lundayeh.

Setelah etnik Lundayeh menerima ajaran agama Kristian, adat dan beberapa Ukum Adat yang bertentangan dengan ajaran dan kepercayaan agama telah dipinggirkan untuk disesuaikan dengan keadaan masyarakat dan ajaran agama yang mereka anuti.

ADAT-ISTIADAT ETNIK LUNDAYEH DAN DENDA- DENDA JIKA MELANGGARNYA

(The Lundayeh Customary Law)

Adat istiadat etnik Lundayeh yang digunakan di Makkamah Anak Negeri meliputi 41 Fasal yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan dalam kehidupan sehari-hari. Kesalahan-kesalahan ini biasanya dikenakan denda atau sagit dalam Bahasa Lundayeh seperti wang tunai, binatang ternakan seperti ayam, babi dan kerbau, kabuk lama, tajau Sarawak, gong, kain merah, kain putih, kain kesumba, sejenis parang yang dikenali sebagai parang ilang dan juga parang biasa. Terdapat juga adat yang mempunyai istilah tertentu iaitu fimutuh do' dan juga fingedo niat. Denda-denda tersebut dikenakan kepada pesalah diatas kesalahan yang melibatkan nyawa seseorang. Namun, denda yang dikenakan masih dalam bentuk seperti denda-denda kesalahan ringan tetapi jumlah yang dikenakan adalah lebih banyak.

Fasal 1. Adat Perempuan Hamil

Kesalahan adat yang melibatkan perempuan hamil dalam kalangan etnik Lundayeh termasuklah perkara yang berkaitan dengan perzinaan di antara lelaki bujang dan wanita bujang, lelaki beristeri dan wanita bujang, wanita hamil dan enggan memberi keterangan mengenai orang yang bertanggungjawab, lelaki bujang dan wanita bujang, lelaki bujang dan wanita bujang yang mempunyai hubungan sulit berkahwin tetapi wanita tersebut meninggal dunia ketika melahirkan anak dan wanita bujang hamil akibat perbuatan beberapa orang lelaki. Kesemua kesalahan ini dikenakan denda berbentuk wang dan binatang ternakan iaitu babi dengan ukuran tertentu mengikut kesalahan yang dilakukan. Sekiranya wanita tersebut meninggal dunia semasa melahirkan anak dan bayi tersebut berada dalam keadaan sihat, adat Tued akan dikenakan kepada lelaki tersebut. Bayaran denda juga akan lupus sekiranya bayi tersebut meninggal dunia semasa dalam rangka tanggungan.

Fasal 2. Adat Perzinaan.

Adat Perzinaan melibatkan kesalahan seperti perzinaan di antara wanita bujang dan lelaki bujang, lelaki bujang dari etnik lain dan wanita bujang dari etnik Lundayeh, sepupu sekali atau keluarga terdekat, lelaki bujang dan isteri orang lain, lelaki beristeri dan wanita bersuami, lelaki dari etnik lain yang sudah beristeri dan wanita Lundayeh yang sudah bersuami, perbuatan sumbang mahram yang melibatkan abang dan adik, abang tiri dan adik tiri, bapa tiri dan anak tiri, ibu tiri dan anak tiri, ipar lelaki dan ipar perempuan, ayah dan anak kandung dan juga mertua dan menantu, lelaki beristeri atau bujang dituduh berniat untuk melakukan perbuatan zina dengan isteri orang, lelaki beristeri dan wanita bujang, lelaki bujang dan wanita bersuami dan juga kesalahan yang melibatkan suami atau isteri berdua-duaan dengan suami atau isteri orang lain. Denda yang dikenakan kepada pesalah akan dibayar mengikut adat yang ditetapkan sama ada dibayar dengan wang, binatang ternakan seperti babi, tajau sarawak atau kabuk lama mengikut jenis kesalahan yang telah dilakukan.

Fasal 3. Adat Melarikan/Merampas Isteri Orang Lain.

Kesalahan di bawah adat ini termasuklah seit fetaban atau berzina dan melarikan isteri orang lain, fetaban atau melarikan isteri orang lain dan didapati kembali dan ngaro awan atau merampas isteri orang lain. Kesalahan-kesalahan ini boleh dikenakan denda dalam bentuk wang kepada kedua-dua pesalah dan bagi kesalahan melarikan isteri orang lain, suami kepada wanita tersebut boleh menuntut semula furut atau berian yang telah diberikan daripada lelaki yang telah merampas wanita tersebut.

Fasal 4. Adat Memfitnah.

Kesalahan di bawah adat ini termasuklah fedaat atau ngedaat iaitu fitnah dalam kalangan masyarakat, ngelicia' atau meludah, perbuatan kurang sopan yang boleh memalukan orang lain, ngubeng atau menghalau orang lain, mulung atau menyumpah orang lain, tidak menghormati kuasa kuasa Pemegang Adat Istiadat dan juga kesalahan menuduh tanpa bukti yang jelas. Kesalahan-kesalahan ini boleh dikenakan denda berbentuk wang dan juga binatang ternakan seperti babi. Bagi kesalahan yang melibatkan Pemegang Adat, denda wang tunai harus diberikan sebelum perbicaraan dijalankan.

Fasal 5. Adat Terkena Benda Tajam.

Kesalahan-kesalahan yang berada di bawah adat ini termasuklah luka kerana perbuatan yang disengajakan, sengaja merosakkan harta benda orang lain menggunakan benda tajam, belingkasan atau belatik mengakibatkan kecederaan kepada orang lain, mata buta kerana perbuatan orang lain, jari kudung, jari kaki terputus atau terpotong, luka yang tidak disengajakan, membawa senjata kerana marah, menghunus parang kerana marah, setengah parang ditarik, mengacukan senjata dan juga menetak tiang dan harta benda orang lain.

Bagi kesalahan-kesalahan ini denda adalah dalam bentuk wang, binatang ternakan seperti babi dan pesalah juga harus menanggung perbelanjaan rawatan di hospital. Bagi adat belingkasan atau belatik, sekiranya kematian berlaku, adat Tued akan dikenakan kepada pesalah. Bagi kesalahan mengacukan senjata, sekiranya perbuatan tersebut berulang, kes tersebut akan diserahkan kepada pihak polis.

Fasal 6. Adat Pergaduhan/Perkelahian.

Kesalahan-kesalahan di bawah adat ini termasuklah kesalahan bergaduh atau bertumbuk, kecederaan yang mengeluarkan darah, membangkitkan maruah peribadi, pergaduhan menggunakan benda-benda tajam, krisis antara suami dan isteri, mengugut atau ugutan dan juga beberapa orang bergaduh kerana anak kecil. Bagi kesalahan-kesalahan ini, pesalah boleh dikenakan denda sama ada berbentuk wang, binatang ternakan seperti babi atau ayam jantan mengikut jenis kesalahan, kain merah mengikut ukuran yang ditetapkan, sebilah parang atau gong mengikut denda yang telah ditetapkan. Krisis di antara suami dan isteri yang mengakibatkan perceraian boleh dikenakan denda sama ada suami tersebut harus membayar semua furut atau berian yang belum dijelaskan atau isteri harus membayar balik semua berian yang telah diberikan.

Fasal 7. Adat Percurian/Mencuri.

Kesalahan-kesalahan di bawah adat ini termasuklah disangka mencuri dan mempunyai bukti yang jelas, pemilik barang menyimpan barang di rumah orang lain dan mengambil semula barang tersebut tanpa pengetahuan tuan rumah, mengubah atau memindahkan tanda sempadan tanah, membuang tanda X yang telah ditanda oleh orang lain, mengambil harta benda yang telah diletakkan di kawasan perkuburan, mencuri, ngeruat butung atau mengeluarkan mayat yang telah dikubur, menuba sungai atau saliran air dan juga mengambil atau menebang kayu yang terdapat di kawasan perkuburan. Antara denda bagi kesalahan-kesalahan ini ialah wang mengikut jumlah barang yang telah dicuri, binatang ternakan seperti ayam jantan atau babi dan mengembalikan barang yang telah diambil. Selain itu, bagi kesalahan mencuri harta benda di kawasan kubur dan mengeluarkan mayat, denda fimutuh do' dalam bentuk wang dikenakan kepada pesalah dan fingedo' niat dalam bentuk binatang tenakan seperti babi, gong dan sebilah parang ilang dikenakan kepada pesalah. Bagi kesalahan mencuri benda berharga, kes tersebut akan diserahkan kepada pihak berkuasa.

Fasal 8. Adat Binatang Ternakan.

Kesalahan-kesalahan dibawah adat ini ialah binatang ternakan terlepas dan merosakkan tanaman orang lain, binatang ternakan dibunuh oleh tuan punya tanaman, meracun binatang ternakan orang lain, tanaman orang lain dimakan oleh binatang ternakan orang lain, binatang ternakan digigit oleh anjing orang lain dan menyebabkan kematian, orang digigit anjing, membunuh binatang orang lain tanpa sebab dan juga mencederakan binatang orang lain yang berada di kandang pemilik kandang. Denda bagi kesalahan-kesalahan ini ialah denda berupa wang mengikut kerrosakan tanaman mengikut keluasan atau penilaian daripada Jabatan Pertanian, membayar denda berbentuk wang dan ganti rugi ke atas binatang ternakan yang dibunuh. Penilaian denda bagi tanaman dan binatang ternakan yang dibunuh biasanya akan dirujuk kepada Jabatan Pertanian. Bagi kesalahan yang melibatkan orang digigit anjing, pemilik anjing dikehendaki membayar kos mangsa semasa mendapat rawatan di hospital dan ketua kampung berhak mengarahkan agar anjing tersebut dibunuh sekiranya anjing tersebut bertindak semakin ganas.

Fasal 9. Adat Air Sungai dan Luagan (Takung).

Kesalahan-kesalahan di bawah adat ini termasuklah mencemarkan saliran, air parit atau perigi, menuba luagan dalam kawasan tanah orang lain dan juga meracun air kegunaan harian dalam tangki, dram dan lain-lain. Denda bagi kesalahan-kesalahan tersebut ialah sama ada dalam bentuk wang, binatang ternakan seperti babi atau kabuk lama.

Fasal 10. Adat Kebakaran.

Kesalahan-kesalahan di bawah adat ini termasuklah api melarat ke ladang orang lain, membakar pondok kegunaan awam di hutan dan juga api melarat ke kawasan perkuburan. Denda yang dikenakan bagi tanaman yang dirosakkan adalah berdasarkan penilaian daripada Jabatan Pertanian, wang, denda fimutuh do', satu gotong-royong akan dijalankan dan orang yang bertanggungjawab akan membayar semua kos gotong-royong tersebut. Denda berbentuk binatang ternakan seperti ayam jantan juga dikenakan dan pondok yang telah musnah dibakar harus dibina semula mengikut saiz yang sama.

Fasal 11. Perbelanjaan Semasa Meminang.

Kesalahan di bawah adat ini adalah berkaitan dengan perbelanjaan semasa meminang. Pihak perempuan akan mengeluarkan segala perbelanjaan semasa upacara pertunangan. Jika pihak lelaki memungkiri janji, pihak lelaki harus membayar balik semua perbelanjaan semasa pertunangan dan barang-barang yang telah diberikan juga tidak akan diberikan kepada pihak lelaki. Tetapi, jika pihak perempuan memungkiri janji, pihak tersebut akan dikenakan denda berbentuk wang dan binatang ternakan seperti babi dan harus mengembalikan semua barang-barang yang menjadi tanda ikatan pertunangan.

Fasal 12. Adat Surat Menyurat.

Adat ini berkaitan dengan surat cinta di antara seorang lelaki yang telah beristeri kepada seorang wanita yang telah bersuami, lelaki bujang dengan wanita bersuami dan juga wanita bersuami dan lelaki bujang. Jika disabitkan kesalahan, pihak lelaki akan dikenakan denda berbentuk wang dan binatang ternakan seperti babi, pihak perempuan dikenakan denda seekor babi manakala pengantara akan dikenakan denda seekor ayam jantan besar.

Fasal 13. Adat Memungkiri Janji.

Kesalahan memungkiri janji boleh dikenakan denda berbentuk wang tunai jika sabit kesalahan.

Fasal 14. Adat Tued.

Adat ini melibatkan beberapa kesalahan yang mengakibatkan kematian seperti ditembak secara tidak sengaja oleh orang lain dan menyebabkan kematian, sengaja menembak orang lain dan menyebabkan kematian dan juga kematian disebabkan terkena benda tajam tanpa sengaja. Kesalahan ini merupakan kesalahan berat dan harus dikenakan adat Tued. Denda yang dikenakan berbentuk binatang ternakan seperti beberapa ekor kerbau sebagai harga diri, tabu' moon atau tajau lama, dan kos perbelanjaan semasa pengkebumian. Perkara tersebut juga diserahkan kepada pihak berkuasa demi keselamatan si pelaku. Selain itu, bagi kesalahan terkena benda tajam tanpa sengaja, denda boleh digantikan dengan wang.

Fasal 15. Adat Mengintai Wanita Mandi.

Jika seorang lelaki didapati bersalah mengintai wanita mandi di sungai, perigi, bilik mandi atau mana-mana tempat mandi, lelaki tersebut akan dikenakan denda sebuah tajau dan seekor babi.

Fasal 16. Adat Menyentuh Buah Dada Wanita.

Jika seorang lelaki didapati bersalah menyentuh buah dada seorang wanita yang sudah berkahwin atau masih bujang, lelaki tersebut boleh dikenakan denda sebuah tajau Sarawak dan seekor babi.

Fasal 17. Adat Perceraian (Sila rujuk Fasal 41).

Kesalahan di bawah adat ini termasuklah perceraian yang dilakukan oleh suami atau isteri. Jika suami dengan sengaja menceraikan isterinya, dia dikehendaki membayar semua furut atau berian yang tertunggak manakala jika isteri dengan sengaja menceraikan suaminya, segala furut yang telah dibayar harus dikembalikan.

Fasal 18. Adat Waris.

Adat mengenai waris harta yang telah ditinggalkan harus dijaga oleh seorang ibu sehingga anak-anak mencapai umur 16 atau 18 tahun. Balu kepada si mati boleh menjual sebahagian daripada harta bagi menampung persekolahan anak dan di atas persetujuan Ketua Kampung. Jika balu tersebut berkahwin semula, harta bahagian anak-anaknya tidak boleh dijual dan segala hutang si mati harus dibayar oleh waris kepada harta tersebut.

Jika seseorang meninggal tanpa waris, mubpuu atau perbelanjaan semasa pengkebumian harus dikeluarkan oleh saudara si mati dan mereka berhak menuntut harta si mati. Anak kandung kepada pewaris harta tersebut boleh mewarisi harta tersebut sekiranya pewaris telah meninggal dunia, namun setiap anak yang telah berkahwin hanya berhak mendapat $\frac{1}{2}$ daripada harta yang telah diwarisi. Anak angkat juga boleh mendapatkan harta si mati tetapi bahagian yang akan diberikan adalah kurang daripada jumlah yang diwarisi oleh anak kandung. Selain itu, anak yang diasuh dan mempunyai surat kebenaran mengasuh mempunyai hak ke atas separuh daripada ayah atau ibu yang mengasuhnya dan sebahagian lagi diserahkan kepada abang atau adik si mati.

Fasal 19. Adat Keracunan Makanan.

Kesalahan di bawah adat ini melibatkan kesalahan meletakkan racun ke dalam makanan orang lain. Orang yang disabit kesalahan akan dikenakan denda berbentuk wang tunai dan jika berlaku kematian, orang tersebut boleh dikenakan adat Tued.

Fasal 20. Adat Tanah Perkuburan (Sila rujuk Fasal 24).

Kesalahan-kesalahan di bawah adat ini termasuklah mencemar dan melanggar adat istiadat perkuburan yang telah ditetapkan, membuat ladang atau bercucuk tanam di kawasan perkuburan dan kawasan perkuburan menjadi sebahagian daripada kawasan projek.

Denda yang boleh dikenakan bagi kesalahan ini ialah denda berbentuk wang dan juga fimutuh do', fingedo' niat iaitu seekor babi, sebuah gong, sebilah parang ilang dan segala kerja-kerja projek tersebut harus dihentikan. Jika mayat dipindahkan dan dikubur semula di tempat lain, pihak yang melaksanakan projek juga harus membayar fingedo' niat bagi setiap kubur yang telah dipindahkan.

Fasal 21. Adat Semasa Kedukaan (Kereb Necung).

Adat ini dilakukan sekiranya terdapat pihak yang menyinggung perasaan keluarga yang baru kematian ahli keluarga mereka. Aktiviti seperti upacara keagamaan Kristian adalah digalakkan tetapi bunyi muzik yang menyinggung perasaan adalah ditegah sama sekali. Sekiranya disabit kesalahan, orang tersebut boleh dikenakan denda berbentuk wang tunai.

Fasal 22. Adat Berpindah/Berhijrah (Mefura').

Kesalahan dibawah adat ini ialah furaa' luk naa imo atau berpindah tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Kampung dan Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung. Denda berbentuk wang akan dikenakan kepada pesalah dan denda tersebut akan diserahkan kepada tabung kampung. Keluarga yang telah berpindah juga tidak boleh menjual pokok buah-buahan yang telah ditanam di kawasan kampung manakala buah-buahan yang telah ditanam di kawasan tanah orang lain akan diserahkan kepada pemilik tanah tersebut. Keluarga yang berpindah juga tidak dibenarkan merobohkan rumah mereka tanpa kebenaran jiran sebelah. Jika rumah tersebut merupakan rumah panjang, mereka akan dikenakan denda berbentuk wang dan harus membaiki rumah tersebut dan diberikan kebenaran menjual rumah mereka kepada jiran lain. Penduduk kampung yang diarahkan berpindah oleh kerajaan tidak boleh dihalang oleh sesiapa pun.

Fasal 23. Adat Merosakkan Tanaman

Jika seseorang didapati bersalah kerana menebang pokok buah-buahan orang lain kerana marah, orang tersebut boleh dikenakan denda berbentuk wang bagi setiap pokok yang ditebang dan mereka boleh mendapatkan nasihat daripada Jabatan Pertanian.

Fasal 24. Adat Tanah Perkuburan (sila rujuk Fasal 20).

Kawasan perkuburan tidak boleh dituntut oleh mana-mana pihak dan tidak ada ordinan yang membenarkan pokok buah-buahan ditanam di kawasan perkuburan selain pokok bunga yang dianggap dapat mencantikkan kawasan perkuburan.

Fasal 25. Adat Pengebumian Orang Mati.

Bagi adat ini, mayat orang yang telah meninggal dunia tidak boleh dikubur mengikut suka hati keluargnya dan harus dikubur di kawasan perkuburan kampung. Jika sabit kesalahan, denda berbentuk wang dan fimutuh do' dikenakan.

Fasal 26. Adat Tanah.

Adat Tanah termasuklah kuasa memegang segala harta yang diwarisi daripada datuk atau nenek. Harta tersebut boleh diwarisi oleh lelaki dan perempuan, sesiapa yang telah merimba hutan tua berhak mewarisi tanah tersebut secara turun temurun walaupun menetap di tempat lain di dalam negeri, jika pewaris berpindah ke negeri atau negara lain, tanah tersebut boleh diwarisi oleh saudara mara yang bermastautin di negeri Sabah, hutan tua boleh diusahakan selepas mendapat kebenaran daripada pihak kerajaan (tanah Temuda), manakala petunjuk bagi sempadan tanah ialah anak sungai atau sungai, bukit-bukit, lembah, pulau, pokok buah-buahan, bambu atau benda-benda yang tidak boleh berpindah atau hilang.

Pemilik tanah juga boleh menyewakan tanah tersebut kepada orang lain dan bayaran sewa adalah berdasarkan kepada keluasan tanah atau kadar hasil tuaian, Acam Elud atau sewa pajak. Barang-barang yang boleh diberikan sebagai sewa ialah lembu, kerbau atau babi, padi, ayam dan wang manakala bagi sewa Acam Elud ialah lembu atau babi, kerbau, tempayan lama dan gong atau harta lain yang berharga. Tanah temuda tidak boleh dijual kepada orang bukan bumiputera dan tanah tersebut dijual mengikut taksiran ekar atau hektar. Harga tanah temuda diputuskan oleh Ketua Kampung atau kuasa-kuasa lain yang diberikan kebenaran oleh kerajaan dan harga berpatutan harus dibuat mengikut kemampuan masyarakat.

Fasal 27. Adat Memelihara Anak.

Mengikut adat etnik Lundayeh, sesiapa yang ingin memelihara anak orang lain harus menyatakan kepada orang ramai di hadapan Ketua kampung dan membuat pendedahan mengenai cara memelihara anak tersebut. Umur anak yang ingin dipelihara hendaklah tidak kurang daripada 18 tahun.

Fasal 28. Adat Bahayanya Senjata Api.

Terdapat dua kesalahan dibawah adat ini iaitu tertembak seseorang dan orang tersebut berada di hospital untuk mendapat rawatan tetapi meninggal dunia dan ditembak dengan sengaja kerana marah, mendapat rawatan di hospital dan kemudian meninggal.

Denda bagi kesahaman pertama ialah penembak boleh dikenakan denda seekor kerbau, sebuah tajau Sarawak, kain kesumba dan bertanggungjawab ke atas semua kos rawatan mangsa semasa berada di hospital. Jika mangsa meninggal dunia di hospital, penembak tersebut dikenakan denda adat Tued dan mubpuu. Bagi kesalahan kedua pula, denda adalah sama seperti denda kesalahan pertama tetapi adat Tued yang dikenakan adalah lebih besar jumlahnya.

Fasal 29. Adat Bersubahat.

Sesiapa yang didapati bersubahat dengan kesalahan orang lain boleh dikenakan denda.

Fasal 30. Adat Tempoh Membayar Denda.

Bagi sesiapa yang tidak mampu membayar denda ketika keputusan mengenai denda kesalahan dilakukan, orang tersebut boleh diberikan tiga kali tempoh iaitu 1 bulan (30 hari), setengah bulan (14 hari) dan satu minggu (7 hari). Jika orang yang didakwa gagal mematuhi tempoh yang diberikan, kes tersebut boleh disampaikan kepada pihak Mahkamah Anak Negeri oleh pihak pendakwa.

Fasal 31. Adat Perhimpunan Haram.

Sesiapa yang mengadakan perhimpunan haram boleh dikenakan denda berbentuk wang tunai bagi setiap individu yang terlibat dan jika mereka ingkar, perkara ini boleh disampaikan kepada pihak berkuasa

Fasal 32. Adat Enggan Berkerjasama Dalam Kampung.

Sesiapa yang enggan berkerjasama dalam aktiviti kampung atau peraturan yang ditetapkan di dalam kampung boleh dikenakan denda berbentuk bayaran kepada tabung kampung mengikut ketetapan yang dibuat oleh penduduk kampung tersebut.

Fasal 33. Adat Pergaduhan Antara Penduduk Kampung.

Pergaduhan di antara penduduk kampung boleh dikenakan denda berbentuk wang dan jika ada di antara mereka yang terluka dan mengeluarkan darah, denda berbentuk wang tunai dikenakan bersama seekor ayam jantan, kain putih, parang ilang dan bertanggungjawab ke atas segala kos rawatan di hospital.

Fasal 34. Adat Pergaduhan Antara Penduduk Kampung Dengan Pendatang.

Jika ada di antara penduduk kampung yang bermastautin tetap di kampung tersebut bergaduh dengan penduduk sementara, denda yang dikenakan adalah dalam bentuk wang, seekor ayam jantan, kain putih, parang ilang dan juga bertanggungjawab ke atas segala kos rawatan di hospital.

Fasal 35. Adat Pergaduhan Semasa Pesta.

Sesiapa yang bergaduh semasa irau (pesta) boleh dikenakan denda berbentuk wang dan jika perkara tersebut menyebabkan seseorang itu terluka dan berdarah, denda berbentuk wang, seekor babi, kain putih, parang ilang dan bayaran kos rawatan di hospital dikenakan kepada pesalah.

Fasal 36. Adat Menyebarluaskan Berita Tidak Benar.

Jika ada di antara penduduk kampung menyebarluaskan kata-kata yang tidak benar dan menyebabkan pergaduhan atau memalukan orang lain, denda berbentuk wang dan fimutuh do' dikenakan.

Fasal 37. Adat Mengubah Tanda Binatang Ternakan Orang Lain.

Sesiapa yang didapati mengubah tanda pada binatang ternakan orang lain seperti lembu dan kerbau boleh dikenakan denda berbentuk wang dan dikehendaki mengembalikan binatang ternakan tersebut kepada pemilik sebenar.

Fasal 34. Adat Pergaduhan Antara Penduduk Kampung Dengan Pendatang.

Jika ada di antara penduduk kampung yang bermastautin tetap di kampung tersebut bergaduh dengan penduduk sementara, denda yang dikenakan adalah dalam bentuk wang, seekor ayam jantan, kain putih, parang ilang dan juga bertanggungjawab ke atas segala kos rawatan di hospital.

Fasal 35. Adat Pergaduhan Semasa Pesta.

Sesiapa yang bergaduh semasa irau (pesta) boleh dikenakan denda berbentuk wang dan jika perkara tersebut menyebabkan seseorang itu terluka dan berdarah, denda berbentuk wang, seekor babi, kain putih, parang ilang dan bayaran kos rawatan di hospital dikenakan kepada pesalah.

Fasal 36. Adat Menyebarluaskan Berita Tidak Benar.

Jika ada di antara penduduk kampung menyebarluaskan kata-kata yang tidak benar dan menyebabkan pergaduhan atau memalukan orang lain, denda berbentuk wang dan fimutuh do' dikenakan.

Fasal 37. Adat Mengubah Tanda Binatang Ternakan Orang Lain.

Sesiapa yang didapati mengubah tanda pada binatang ternakan orang lain seperti lembu dan kerbau boleh dikenakan denda berbentuk wang dan dikehendaki mengembalikan binatang ternakan tersebut kepada pemilik sebenar.

Fasal 38. Adat Ngetuu (Mengambil Binatang Ternakan Orang Lain)

Sesiapa yang ngetuu atau mengambil binatang ternakan orang lain boleh dikenakan denda berbentuk wang dan harus membayar balik binatang ternakan tersebut mengikut harganya.

Fasal 39. Adat Ladang/Kebun.

Sesiapa yang didapati mengubah atau memindahkan tanda sempadan tanah, ladang dan kebun boleh dikenakan denda berbentuk wang dan dikehendaki mengembalikan tanda tersebut ke tempat asal.

Fasal 40. Adat Membina Jalan Melalui Tanah Orang Lain.

Mengikut adat Lundayeh, sesiapa yang ingin membina jalan awam melalui tanah orang lain menuju ke tanah sendiri hendaklah berunding terlebih dahulu dengan pemilik tanah tersebut sekiranya ada tanaman yang akan dimusnahkan. Jika disabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda berbentuk wang dan membayar ganti rugi semua tanaman yang telah dirosakkan.

Fasal 41. Adat Perceraian (sila rujuk Fasal 17).

Perkara yang perlu dipertimbangkan untuk permohonan perceraian ialah kedua-dua suami isteri mempunyai keinginan yang kuat untuk bercerai, seorang daripada suami atau isteri ditinggalkan, zina dan sebab-sebab lain yang menyebabkan mereka tidak boleh tinggal bersama. Perceraian yang dibuat di atas persetujuan bersama tidak ada denda tetapi mereka diberikan masa selama tiga bulan untuk berfikir mengenai hal tersebut.

Perceraian yang disebabkan oleh seorang daripada suami atau isteri ditinggalkan boleh diterima sekiranya tempoh orang tersebut ditinggalkan sudah mencapai 2 tahun dan tempat tinggal orang yang meninggalkan tidak diketahui. Perceraian yang disebabkan oleh kesalahan zina boleh diterima. Orang yang meminta cerai tidak boleh dikenakan denda tetapi orang yang berzina boleh dikenakan denda berbentuk wang dan perbelanjaan anak-anak mereka akan ditanggung oleh orang yang meminta cerai sehingga mereka mencapai umur 18 tahun atau sehingga mereka berkahwin atau mana-mana yang berlaku dahulu.

Perceraian yang disebabkan oleh hal-hal lain boleh diterima jika tidak ada sebab lagi untuk mereka kembali menjadi suami isteri. Pihak yang meminta cerai boleh dikenakan denda berbentuk wang, fimutuh do' dan menanggung perbelanjaan anak-anak mereka sehingga mereka mencapai umur 18 tahun atau sehingga mereka berkahwin.

Penutup

Pantang larang dan adat istiadat etnik Lundayeh yang telah dikemukakan di dalam bab ini bertujuan untuk menjaga kesejahteraan dan keharmonian masyarakat. Sistem adat istiadat etnik Lundayeh merupakan satu sistem yang sangat penting dalam kehidupan bermasyarakat. Hal ini demikian kerana, tanpa satu sistem yang mengawal suatu masyarakat, keharmonian dan kesejahteraan tidak dapat dikekalkan. Selaras dengan perkembangan dunia dan teknologi, masyarakat Lundayeh pada hari ini telah memeluk agama Kristian dan pantang larang serta adat resam yang tidak bersesuaian dengan pegangan agama mereka telah ditinggalkan. Namun terdapat juga pantang larang yang dianggap dapat mengekalkan keharmonian masih diamalkan.